

Terma dan Syarat

Berikut adalah terma dan syarat bagi akaun *Cheeky Savings* (Al-Wadiah/Konvensional) dan kad MBSB *Cheeky Savings Club*. Setiap pemegang kad keahlian kelab MBSB *Cheeky Savings Club* mestilah mematuhi terma dan syarat yang terkandung selepas ini dan tertakluk kepada pengawalan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Malaysia Building Society Berhad (MBSB) atau mana-mana pihak berkuasa dari masa ke semasa:

Kad MBSB *Cheeky Savings Club*

1. Keahlian kelab MBSB *Cheeky Savings Club* adalah terbuka kepada semua termasuk anak-anak kakitangan dan keluarga MBSB.
2. Pengeluaran kad keahlian MBSB *Cheeky Savings Club* adalah untuk ahli kelab yang berumur 18 tahun ke bawah sahaja dan tertakluk kepada pembukaan Akaun Simpanan *Cheeky* Al-Wadiah atau Konvensional.
3. Setiap Borang keahlian MBSB *Cheeky Savings Club* hendaklah disertakan dengan salinan Surat Beranak Pemohon dan salinan kad Pengenalan Ibu/Bapa/Penjaga. Sila bawa bersama salinan asal dokumen untuk proses pengesahan.
4. Kad MBSB *Cheeky Savings Club* adalah bertujuan untuk menebus ganjaran, keistimewaan, diskaun dan/atau mendapatkan kemudahan dengan cara mengemukakan kad ini ke mana-mana cawangan MBSB dan/atau outlet-outlet yang berdaftar dan/atau disahkan oleh MBSB dan kad ini tidak boleh sama sekali diperdagangkan.
5. Pembukaan Akaun Simpanan *Cheeky Savings* tanpa permohonan menjadi ahli kelab MBSB *Cheeky Savings Club* adalah dibenarkan tetapi pemegang akaun tidak layak untuk menebus apa-apa ganjaran yang ditawarkan di bawah kelab MBSB *Cheeky Savings Club*.
6. Deposit dan pembayaran kad keahlian boleh dilakukan di mana-mana cawangan MBSB oleh pihak Pemohon dan pihak MBSB tidak akan menanggung apa-apa kos yang terlibat di dalam transaksi tersebut.
7. Ahli boleh membuat pengeluaran dari buku Akaun Simpanan *Cheeky Savings* melalui pihak Ibu/Bapa/Penjaga pada bila-bila masa tertakluk kepada baki minimum yang dipersetujui oleh MBSB dari masa ke semasa. Ahli juga memberi kebenaran kepada MBSB untuk mengkreditkan apa jua ganjaran dan keistimewaan yang ditentukan oleh MBSB dari masa ke semasa ke dalam Akaun MBSB *Cheeky Savings*.
8. Kad keahlian ini sepanjang masa adalah hak milik mutlak MBSB dan pemegang kad dikehendaki memulangkannya sekiranya diminta berbuat demikian.
9. Pihak MBSB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kehilangan kad MBSB *Cheeky Savings Club*.

Penebusan Ganjaran

1. Setiap pemegang kad keahlian MBSB *Cheeky Savings Club* berhak menebus apa-apa ganjaran, keistimewaan, diskaun dan/atau mendapatkan kemudahan yang ditawarkan di bawah program keahlian kelab dengan mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak MBSB.
2. Semua ganjaran boleh ditebus di mana-mana cawangan MBSB dan pihak MBSB berhak menolak daripada memberi ganjaran sekiranya didapati ahli tidak layak tanpa mengeluarkan sebarang notis.
3. Apa-apa ganjaran yang bukan dalam bentuk wang tunai tidak boleh ditukar sama sekali dengan wang tunai atau barang-barang lain begitu juga sebaliknya.
4. MBSB tidak akan menanggung ke atas sebarang kecacatan pada apa sahaja jenis ganjaran yang dinyatakan di atas, termasuk ketiadaan fungsi dan mutu dan/atau sebarang kerugian, kecederaan, kerosakan atau kesengsaraan dan/atau tanggungan disebabkan oleh penggunaan apa sahaja jenis ganjaran tersebut oleh ahli dan/atau mana-mana orang perseorangan.
5. Keputusan MBSB berkaitan sebarang tawaran dan/atau ganjaran adalah muktamad.
6. Ahli boleh mendapatkan maklumat lanjut berhubung pelbagai tawaran dan/atau ganjaran MBSB *Cheeky Savings Club* dari mana-mana cawangan MBSB yang berdekatan.
7. Sila ambil maklum bahawa setiap cawangan MBSB yang turut serta dibenarkan mempunyai terma-terma dan syarat-syarat tersendiri yang tidak terkandung di dalam terma dan syarat ini.

Caj

1. Caj sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) sahaja akan dikenakan oleh pihak MBSB bagi tujuan pengeluaran kad pertama tersebut kepada setiap ahli MBSB *Cheeky Savings Club*.
2. Kad MBSB *Cheeky Savings Club* yang hilang akan digantikan dengan kad yang baru dan MBSB berhak untuk mengenakan bayaran bagi setiap kad baru yang dikeluarkan kepada ahli sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) sahaja.

Pindaan Terma dan Syarat

1. Pihak MBSB berhak sepenuhnya untuk mengeluarkan, membatalkan atau meminda apa jua kandungan di dalam Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis diberikan kepada ahli.
2. Pihak MBSB berhak dan tidak akan melayan sebarang tuntutan bersabit dengan perubahan kandungan Terma dan Syarat ini.

